



KAIFIAT SOLAT SUNAT ISTISQA'

Tatacara Sebelum Solat Sunat Istisqa' (Solat Minta Hujan)

Solat Istisqa' ialah solat yang disyariatkan apabila berlaku kemarau. Solat tersebut sunat dilakukan apabila wujud sebab tersebut, dan tidak lagi disunatkan apabila hujan turun atau mata air mengalir kerana sebab-sebabnya telah luput.

1. Ulil Amri perlulah menetapkan suatu hari khusus untuk mengajak masyarakat menunaikan Solat Istisqa' secara berjemaah.
2. Qadhi/ Imam yang bertugas disarankan memberi peringatan terlebih dahulu kepada orang ramai dan berpesan-pesan dengan taqwa, mengajak berhenti dari melakukan kezaliman, menyeru untuk segera bertaubat, saling memaafkan sesama manusia, memperbanyakkan puasa, menggalakkan bersedekah dan menjauhkan perbalahan. Kata para ulama' maksiat adalah penyebab berlakunya kemarau, manakala ketaqwaan menjadi sebab turunnya keberkatan.
3. Solat Istisqa' boleh dilakukan pada bila-bila waktu yang dirasakan perlu, kecuali ketika waktu-waktu yang dilarang untuk solat.
4. Solat Istisqa' afdhal didirikan secara berjemaah di musolla (tanah lapang), namun diharuskan sekiranya terdapat sebab-sebab yang difikirkan wajar untuk dilaksanakan di masjid.

Tatacara Semasa Solat Sunat Istisqa' (Solat Minta Hujan)

Kaifiat Solat Sunat Istisqa' adalah hampir sama dengan solat dua hari raya, iaitu:

- Tiada azan dan iqamat dilaungkan untuk mendirikan solat Istisqa'.
- Memadai bilal menyeru jemaah dengan laungan : "الصلاة جامعة رحمكم الله"
- **Niat:** Memadai di dalam hati, namun sunat dilafazkan.

Contoh niat makmum: أَصَلِّي سُنَّةَ الْاِسْتِسْقَاءِ رَكْعَتَيْنِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

(Sahaja aku Solat Sunat Istisqa' dua rakaat mengikut imam kerana Allah taala).

- **Takbir Tambahan:** Lakukan takbir sebanyak 7 kali pada rakaat pertama dan 5 kali pada rakaat kedua, diselangi dengan bacaan tasbih.
- **Bacaan Surah:** Disunatkan membaca Surah al-Fatihah diikuti Surah al-Kafirun (rakaat pertama) dan Surah al-Fatihah diikuti Surah al-Ikhlâs (rakaat kedua).
- **Khutbah Dan Doa:** Selepas salam, imam akan menyampaikan khutbah yang mengajak kepada istighfar dan memohon hujan dengan penuh keinsafan.

Tatacara Selepas Solat Sunat Istisqa' (Solat Minta Hujan)

1. Melakukan khutbah bagi solat Istisqa' adalah termasuk sunnah. Ia boleh dilakukan sebelum solat ataupun selepas solat.
2. Perbanyakkan beristighfar sebagai selingan di dalam khutbah dan membaca ayat al-Quran yang mengajak kepada taqwa, taubat dan memperbanyakkan istighfar.
3. Bersungguh-sungguh menadah tangan ketika berdoa. Diharuskan bertawassul dan meminta doa orang soleh sepertimana yang dilakukan oleh Saidina 'Umar ibn al-Khattab RA yang dahulunya apabila berlaku kemarau, beliau akan meminta Saidina al-'Abbas bin 'Abdul Mutholib berdoa meminta hujan. Saidina 'Umar ibn al-Khattab RA berkata: "Ya Allah kami dahulunya bertawassul kepada-Mu dengan Nabi Kami Muhammad SAW, maka Engkau memberi hujan kepada kami. Dan sekarang kami bertawassul kepada-Mu dengan doa bapa saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan kepada kami. Kata Saidina Anas ibn Malik RA: Lalu mereka diberikan hujan."
4. Di samping bertawakkal kepada Allah SWT, adalah diharuskan mengulangi solat sunat Istisqa' jika setelah dilakukan solat tersebut namun hujan masih belum turun. Digalakkan untuk mengulangi doa munajat dan rintihan dengan penuh pengharapan sehingga turun hujan dengan izin Allah SWT.

Disediakan oleh:

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Perak